

BAB 6

KESIMPULAN

Seseorang penulis tidak dapat menghasilkan karya tanpa berpijak di bumi nyata. Sastera yang dihasilkan sebenarnya merupakan pengalaman mereka yang diturunkan melalui mata pena. Berkarya berbeza daripada membuat catatan peristiwa atau laporan yang bersifat objektif, sebaliknya ia diadunkan dengan persepsi penulis yang subjektif. Persepsi dan tanggapan seseorang penulis secara langsung mempengaruhi sifat karyanya.

Lao She dalam novelnya yang bertajuk *Er Ma* pernah meluahkan pendapat bahawa, “Sesuatunya bangsa yang lemah, tidak mungkin dapat melahirkan generasi muda yang bertenaga.” (t.t.(b): 34) Ketuaan generasi baru bukan disebabkan oleh keuzuran fizikal tetapi kerana kekakuan fikiran yang dikongkong oleh adat tradisi yang kolot. Pernyataan ini amat tepat bagi menerangkan keadaan kaum wanita di negara China. Sejak dilahirkan, mereka dilabelkan sebagai golongan yang lebih rendah taraf sosialnya daripada kaum lelaki. Mereka dibesarkan dalam masyarakat yang memandang rendah terhadap kaum wanita. Segala pengucapan, tingkah laku, psikologi serta nilai mereka dicorak untuk menepati peraturan yang

ditetapkan oleh kaum lelaki. Pengaruh pemikiran tradisional yang mengagungkan lelaki ini begitu mendalam dan meluas hinggakan pembentukan dan perkembangan keperibadian kaum wanita dibatasi.

Watak-watak wanita yang direka oleh Lao She merupakan gambaran sebenar pada jangka masa yang berlainan. Lao She mengambil berat faktor intrinsik dan ekstrinsik dalam perwatakan wanita. Faktor-faktor ekstrinsik merangkumi faktor ekonomi, politik, pendidikan dan sosial sementara faktor psikologi, pegangan serta sikap kaum wanita dan lelaki merupakan faktor intrinsik. Beliau dapat memberikan gambaran yang tepat tentang kaum wanita dalam sesuatu komuniti menerusi gabungan faktor-faktor ini.

Satu ciri yang menonjol dalam perlukisan watak wanita karya Lao She ialah simpatinya terhadap watak wanita. Beliau memang berharap kaum wanita dapat bebas daripada kongkongan moral serta adat masyarakat sistem feudalisme. Beliau tidak sekali-kali menggunakan nada yang melampau terhadap watak wanitanya. Walaupun Lao She mencuba menonjolkan kelemahan watak-watak wanita dalam drama beliau, tetapi kelemahan-kelemahan ciri perwatakan ini selalunya diseimbangkan dengan sifat-sifat yang baik. Sebagai contoh, beliau telah menghuraikan kelemahan Puan Yang dalam *Can wu* dan Shan Mingqin dalam *Mianzi wenti* dengan menunjukkan sifat seperti kebodohan, kecurangan

dan perbuatan mereka yang memalukan, tetapi beliau juga menonjolkan ketaatan dan kesetiaan mereka kepada keluarga dan suami supaya mengelakkan tanggapan yang terlalu negatif terhadap mereka. Lao She memang bersifat pengampun terhadap kaum wanita. Ini mungkin kerana Lao She pernah mengalami kepahitan hidup dan banyak melihat kesulitan hidup di kalangan kaum wanita. Lao She melihat penderitaan ibu dan kakaknya, dan memahami siksaan batin mereka. Beliau memahami bahawa kaum wanita golongan yang tertindas dan perbuatan mereka yang kurang elok sekiranya ada, mempunyai sebab-sebab tertentu.

Pengalaman beliau telah memupuk nilai estetika Lao She yang bersifat pesimistik dan menganggap golongan bawahan sentiasa hidup dalam kesengsaraan dan terpaksa menjalani kehidupan yang berliku-liku sepanjang hayat. Justeru itu, Lao She berasa simpati dan sentiasa prihatin terhadap mereka yang teraniaya dan tertindas. Beliau tidak ragu-ragu memaparkan nasib golongan yang tertindas dan menderita.

Walaupun Lao She menaruh simpati terhadap kaum wanita dan mencuba menonjolkan hakikat pengabaian hak asasi kaum wanita, tetapi dia tidak terkecuali daripada pengaruh adat serta pemikiran lama. Beliau tetap berpendapat bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga dan negara, dan kaum wanita perlu menunaikan kewajibannya dalam

keluarga, iaitu tanggungjawab sebagai seorang isteri dan seorang ibu. Lantaran, Puan Wei dalam *Nu ditanyain* dipuji oleh penulis sebagai wanita yang berjaya membebaskan diri daripada belenggu keluarga. Pada masa yang sama, pujian juga diberikan kepadanya kerana beliau mampu menguruskan hal rumah tangga dengan baik dan tidak mengetepikan keluarganya sebelum bekerja di luar. Penulis tetap yakin bahawa kaum wanita harus menunaikan kewajipan sebagai seorang isteri dan ibu dan kewajipan ini seharusnya mendahului pekerjaannya. Lao She mencuba memberikan nafas baru kepada kaum wanita, tetapi beliau masih tidak dapat melepaskan diri daripada fahaman tradisi tentang kaum wanita. Wanita yang berkebolehan pada pendapat Lao She seharusnya seorang isteri sempurna dan ibu yang baik.

Jika ditinjau dengan lebih teliti, perlukisan watak wanita dalam drama Lao She sebenarnya berasaskan persepsi seorang lelaki yang banyak dipengaruhi oleh pengalaman hidupnya sendiri. Penilaian dan kritikan beliau banyak berunsur pegangan kepada sistem nilai tradisi. Banyak watak wanita yang dihasilkan oleh Lao She merupakan wanita yang tidak bercita-cita tinggi. Mereka sentiasa akur kepada konsep "tiga jenis kepatuhan dan empat bentuk nilai moral".

Kaum wanita juga kurang daya saing dan berkecenderungan menekan perasaan diri dan pasrah kepada takdir. Kebanyakan mereka tidak begitu

berdikari dari segi kewangan dan psikologi. Mereka tidak mampu menanggung tekanan akibat kesempitan wang dan krisis moral. Mereka akan melarikan diri daripada realiti dengan pembelaan atau menjadi alat mainan kaum lelaki. Oleh sebab itu, Zhu Yuming dalam *Can wu*, walaupun berpendidikan tergamak menggadaikan badan sendiri kepada kaum lelaki untuk mendapatkan ganjaran kewangan. Xu Fangmi dalam drama yang sama juga sanggup menjadi alat mainan Xian demi mendapat keuntungan.

Tekanan masyarakat dan keluarga yang kuat terhadap kaum wanita juga menjadikan mereka tidak berkeupayaan memberontak. Lebih-lebih lagi, kebanyakan kaum wanita menerima segala layanan sebagai takdir pada saat-saat mereka menghadapi masalah yang terlalu berat untuk ditangani dan cenderung mengambil jalan mudah, iaitu membunuh diri. Watak Gao Juxiang dalam *Shen quan* ialah satu contoh yang baik. Dia telah membunuh diri apabila dirampas oleh penjahat pada hari perkahwinan.

Walau bagaimanapun, perwatakan wanita dalam drama Lao She berubah secara mendadak sejajar dengan perubahan zaman. Lao She terdorong dengan pencapaian masyarakat baru dalam meningkatkan taraf sosial kaum wanita dan berpendapat bahawa wanita zaman itu sihat, cantik, berani dan tidak gentar menghadapi apa jua situasi. Golongan seperti ini jarang wujud dalam sejarah

negara China. Oleh demikian, beliau memberi kepujian yang teragung kepada mereka. Kaum wanita baru bukan lagi barang mainan kaum lelaki. Mereka telah memulakan kehidupan baru dan menerima layanan yang istimewa dalam masyarakat yang baru. Sistem baru memberikan peluang untuk mengembangkan keperibadian dan memberikan perlindungan undang-undang kepada setiap individu. Sistem baru juga menyediakan syarat yang perlu bagi mewujudkan kesamarataan status sosial antara kaum lelaki dengan kaum wanita dari segi peluang ekonomi. Watak wanita drama Lao She selepas tertubuhnya pemerintahan komunis menjadi lebih optimis. *Fang Zhenzhu* ialah contoh yang terbaik. Beliau berharap agar kaum wanita China dapat hidup berbahagia dan tidak lagi ditindas dan dikongkong oleh adat sistem feudalisme.

Lao She yakin bahawa kemerdekaan dari segi ekonomi tidak memadai untuk pembebasan wanita, malah kaum wanita sendiri harus mengikis sikap lalai dan malas, dan bisa berdikari dari segi emosi dan psikologi. Oleh sebab itu, beliau mencuba menyedarkan orang ramai bahawa kesamarataan status sosial kaum wanita dan kaum lelaki tidak mungkin tercapai hanya dengan menggalakkan kaum wanita menceburi pasaran kerja bagi memperoleh kemampuan ekonomi, tetapi segenap lapisan masyarakat harus menggembeleng tenaga bagi mengubah adat tradisi dan menghapuskan amalan yang menindas kaum wanita di samping memperkembangkan potensi kaum wanita.

Dalam drama Lao She banyak terkandungnya unsur “dedaktif” (*shuojiao yiwei* 说教意味). Sebelum negara China diperintah oleh Parti Komunis, drama beliau banyak memainkan peranan untuk mempropagandakan kepentingan isu anti-perang. Selepas negara China diperintah oleh Parti Komunis, tema drama Lao She juga sejajar dengan inspirasi kerajaan. Karyanya merupakan refleksi keghairahannya dalam politik. Beliau giat mempropagandakan polisi baru kerajaan, dan watak serta insiden-insiden yang dipilih selalunya bertema kepada polisi baru kerajaan. Jadi, jika drama Lao She diselidik mengikut urutan masa, memang dapat dilihat dengan mudah perubahan nasib kaum wanita juga bergantung kepada faktor politik.